

# Sebat pendatang: PM pertikai sikap Amien Rais

UMS 14 JUN 2002

**P**UTRAJAYA 20 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mempertikaikan sikap Ketua Majlis Permesyuaratan Rakyat Indonesia, Amien Rais yang hanya membidas hukuman sebat oleh Malaysia sedangkan ada negara lain yang terlebih dahulu melaksanakannya.

Perdana Menteri berkata, Singapura sudah lama melaksanakan hukuman sebat yang sama terhadap orang asing tetapi beliau (Amien) tidak membantah.

“Sebenarnya Singapura mempunyai perkara (hukuman) yang sama, saya tidak nampak sesiapa merungut. Jika anda tinggal terlalu lama di Singapura) anda akan dirotan; Kita belajar dari Singapuralah,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita sele-

pas merasmikan Majlis Penyempurnaan Tasik Putrajaya di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Amien kelmarin yang menyelar tindakan kerajaan Malaysia mengenakan hukuman sebat ke atas pendatang tanpa izin di negara ini.

Amien menyifatkan langkah tegas itu sebagai tidak berpelembagaan dan menyakitkan hati rakyat Indonesia.

Pindaan Akta Imigresen 1959163 yang dikuatkuasakan sejak 1 Ogos lalu membolehkan pendatang tanpa izin yang memasuki Malaysia secara haram didenda tidak lebih RM10,000 atau dipenjarakan maksimum lima tahun atau kedua-dua sekali dan hukuman sebat tidak melebihi enam sebatan.

Perdana Menteri pada mula-

nya enggan mengulas lanjut ketika ditanya mengenai tuduhan Amien itu.

“Saya tidak mahu mengulas kenyataan tersebut. Kita tidak mentadbir negara seperti itu (dengan mendengar kenyataan orang asing),” katanya.

Pada perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, beliau berharap jumlah pengundi di Putrajaya yang hanya berjumlah 85 orang akan bertambah sehingga melebihi 30,000 bagi membolehkan kawasan itu dipertandingkan untuk kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum ke-11 yang akan datang.

“Sekarang ini penduduk ada lebih kurang 30,000 sahaja tetapi saya rasa tidak lama lagi lebih ramai akan masuk selepas rumah-rumah semua siap. Insya-Allah kita akan peroleh jumlah itu,” kata Dr. Mahathir.